

 UTM UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA UTMDIGITAL, UTM	MANUAL KUALITI: SEKSYEN 2 – PROFIL UTMDIGITAL		
	ID DOKUMEN: MK/UTM/UTMDIGITAL/02 – 2019/2020	MUKA SURAT	: 1 DARI 5
		MOD	: 3
		TARIKH MOD	: 17 Jan 2025

2.1 PROFIL JABATAN PERKHIDMATAN DIGITAL (UTMDIGITAL)

Jabatan Perkhidmatan Digital (UTMDigital) menyediakan perkhidmatan ICT bagi seluruh kampus UTM. Pelbagai inisiatif telah dibuat berdasarkan kepada visi dan misi baru yang mengutamakan penyampaian perkhidmatan ICT yang terbaik bagi seluruh warga kampus UTM. Banyak sumbangan berimpak tinggi telah diberikan dalam menyediakan perkhidmatan infrastruktur dan pembangunan sistem ICT selaras dengan Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) UTM dan enVision UTM 2025, antaranya sistem UTMFin, EMS dan Pengurusan Data Business Intelligence (BI) serta diiktiraf melalui persijilan SAGA-Compliance dan penarafan 5-Bintang MyMOHES. Pembangunan sistem ICT diselarikan dengan UTM Digital Lifestyle untuk menjadikan UTM sebuah universiti yang memenuhi keperluan Industrial Revolution 4.0. Penyediaan Infrastruktur ICT dengan pusat data baru Rated-3 memastikan segala perkhidmatan dapat digunakan sepanjang masa. Penggunaan kemudahan multimedia seperti Video Conferencing dan media sosial telah banyak mengubah cara kerja dan hubungan komunikasi antara warga kampus dan mewujudkan budaya Digital Eco-System.

UTMDigital sentiasa mengamalkan amalan kerja terbaik berteraskan KeyHIR, nilai ISES UTM dan slogan Menginovasi Penyelesaian bagi memastikan perkhidmatan yang diberikan memenuhi tahap kepuasan pelanggan yang tinggi. Dalam meningkatkan lagi penjenamaan UTMDigital di peringkat global, berbagai aktiviti dan kolaborasi dengan syarikat dan organisasi luar sentiasa dilaksanakan. UTMDigital dijadikan tempat rujukan dan penandaaras bagi beberapa organisasi luar dan KPT dalam bidang-bidang tertentu seperti pengkomputeran awan, pengurusan data, data analitik dan latihan dalam pembangunan sistem baru.

Peningkatan dalam Kecekapan Pengurusan, Pengurusan Kelestarian dan Perubahan Iklim Negara dan Governans merupakan inisiatif strategik UTMDigital bagi melaksanakan Sistem Penyampaian Berprestasi Tinggi yang lebih baik dan berkesan. Penambahbaikan berterusan termasuk meningkatkan budaya kualiti sentiasa diberi keutamaan.

2.2 VISI UTMDIGITAL, UTM

Pemacu Transformasi Pendigitalan dalam Menginovasi Penyelesaian.

 UTM UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA UTMDIGITAL, UTM	MANUAL KUALITI: SEKSYEN 2 – PROFIL UTMDIGITAL		
	ID DOKUMEN: MK/UTM/UTMDIGITAL/02 – 2019/2020	MUKA SURAT	: 2 DARI 5
		MOD	: 3
		TARIKH MOD	: 17 Jan 2025

2.3 MISI UTMDIGITAL, UTM

Merintis Transformasi Digital yang Dipacu Teknologi Terkini dalam Pendidikan Tinggi Bagi Memupuk Ekosistem Digital yang Tangkas dan Membina Profesional Digital yang Inovatif.

2.4 PERANAN UTAMA UTMDIGITAL

- a. UTMDigital sebagai Pemacu Universiti Digital berperanan dalam mengukuhkan penyampaian perkhidmatan berpaksikan akademik melalui ekosistem digital berpaksikan data.
- b. Usaha meningkatkan piawaian ICT adalah menyokong pelaksanaan pelan perancangan Universiti melalui enVision 2025 dan Pelan Transformasi Pengajian Tinggi yang telah disasarkan.

2.5 FUNGSI UTAMA UTMDIGITAL

1. **Membangunkan dan melaksanakan aplikasi baharu dan menaik taraf aplikasi sedia ada yang merangkumi bisnis utama Universiti iaitu:**
 - a. Pengurusan Akademik
 - b. Pengurusan Inovasi dan Penyelidikan
 - c. Kebajikan dan Hal Ehwal Pelajar
 - d. Pengurusan Modal Insan
 - e. Pengurusan Kewangan
 - f. Pengurusan Aset dan Fasilitas
 - g. Pengurusan Perkhidmatan dan Hospitaliti
2. **Memastikan infrastruktur ICT sentiasa tersedia dalam menyokong platform aplikasi yang dibangunkan iaitu:**
 - a. Menaik taraf infrastruktur rangkaian dan komunikasi jaringan Internet
 - b. Menaik taraf infrastruktur gudang data (data warehouse) seperti pelayan (server), storan dan tool analitik data

 UTM UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA UTMDIGITAL, UTM	MANUAL KUALITI: SEKSYEN 2 – PROFIL UTMDIGITAL		
	ID DOKUMEN: MK/UTM/UTMDIGITAL/02 – 2019/2020	MUKA SURAT	: 3 DARI 5
		MOD	: 3
		TARIKH MOD	: 17 Jan 2025

3. Menyokong pelaksanaan ‘Digital Lifestyles’ melalui pembangunan platform dan inovasi teknologi terkini:

- a. Inisiatif Pembayaran Tanpa Tunai (Cashless)
- b. Pemusatan capaian perkhidmatan secara berpusat – UTMSMART
- c. Pelaksanaan P&P melalui Smart Classroom
- d. Penggunaan Tele Sidang Video – menyokong BDR, Webinar, P&P secara dalam talian

4. Menyokong pelaksanaan agenda universiti berpacuan data:

- a. Pelan Halatuju Pembangunan Data Analitik UTM (UTM Data Driven Blueprint)
- b. Pembangunan data analitik berpanduan keperluan Pelan Halatuju Universiti Berpacuan Data
- c. Pembudayaan pelaksanaan penggunaan data

2.6 TANGGUNGJAWAB BAHAGIAN

1. BAHAGIAN STRATEGI DIGITAL

1. Merancang, melaksanakan dan memantau Perancangan Strategik ICT Universiti dan UTMDigital
2. Merancang strategi dan hala tuju UTMDigital bagi menghadapi cabaran yang perlu ditangani dalam pembentukan dasar-dasar baru KPT serta teknologi terkini
3. Menghasilkan ICT Blueprint sebagai rujukan Universiti dan PTJ mengenai dengan pembangunan dan perkhidmatan ICT
4. Menyediakan Polisi ICT
5. Mengkaji, mencadangkan dan melaksanakan kaedah amalan terbaik mengikut piawaian kualiti dalam pelaksanaan perkhidmatan ICT
6. Menyediakan pelaporan pencapaian KAI UTMDigital.
7. Bertanggungjawab dalam penjenamaan imej korporat bagi staf, jabatan serta perkhidmatan ICT
8. Menganalisa, merangka, melaksanakan dan mengurus program/latihan/seminar bagi peningkatan kompetensi staf UTMDigital
9. Pengurusan projek ICT UTMDigital
10. Pelestarian kewangan UTMDigital

 UTM UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA UTMDIGITAL, UTM	MANUAL KUALITI: SEKSYEN 2 – PROFIL UTMDIGITAL		
	ID DOKUMEN: MK/UTM/UTMDIGITAL/02 – 2019/2020	MUKA SURAT	: 4 DARI 5
		MOD	: 3
		TARIKH MOD	: 17 Jan 2025

2. BAHAGIAN ARKITEKTUR DIGITAL

1. Menyediakan infrastruktur ICT terkini dengan kos optima.
2. Mempertingkatkan perkhidmatan infrastruktur ICT dan Pusat Data yang boleh diharap, berintegrasi dan sejahtera.
3. Membangun, mengurus dan memantau Sistem Data Universiti dan Sistem Business Intelligence (BI)
4. Membangun, mengurus dan memantau Sistem Balance Score Card (BSC) dan Sistem Business Intelligence (BI)
5. Menyediakan perkhidmatan infrastruktur ICT yang boleh dicapai di mana jua, sepanjang masa melalui pelbagai kaedah.
6. Menjalan perkhidmatan pengurusan hubungan pelanggan ICT dan pengoperasian
7. Mengurus dan memantau keselamatan ICT
8. Menyediakan kemudahan bagi video conferencing untuk mesyuarat dan majlis rasmi UTM
9. Merancang keperluan dan menyediakan perkhidmatan sokongan dan teknikal ICT sesuai dengan keperluan UTM dan pengguna
10. Mengenalpasti dan membekalkan peralatan komputer pengguna, pencetak dan peralatan ICT yang berkaitan kepada pengguna
11. Menyediakan perkhidmatan sokongan berkaitan teknikal ICT kepada pengguna UTM
12. Menyediakan laporan prestasi perkhidmatan ICT secara berkala
13. Mengurus dan memantau Polisi ICT
14. Melaksanakan pengujian dan pengauditan sumber sistem, aplikasi, sumber ICT
15. Mengurus akaun id pengguna UTM secara berpusat.
16. Memantau dan mengenalpasti masalah yang berkaitan dengan perjalanan operasi dan keselamatan sistem ICT melalui Pusat Data.

3. BAHAGIAN INOVASI DIGITAL

1. Membangunkan sistem aplikasi mengikut piawaian
2. Membekalkan maklumat yang boleh dipercayai dan selamat
3. Mengurus maklumat dan pengetahuan secara efisien dan berpusat
4. Mengurus permohonan pengeluaran data secara berpusat melalui pengurusan perkhidmatan pelanggan

 UTM UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA UTMDIGITAL, UTM	MANUAL KUALITI: SEKSYEN 2 – PROFIL UTMDIGITAL		
	ID DOKUMEN: MK/UTM/UTMDIGITAL/02 – 2019/2020	MUKA SURAT	: 5 DARI 5
		MOD	: 3
		TARIKH MOD	: 17 Jan 2025

5. Membangunankan sistem yang terjamin dari segi keselamatan dan masalah penggodam

4. PEJABAT PENGARAH

1. Menyediakan perkhidmatan pengurusan sumber pembangunan modal insan yang kompeten selaras dengan aspirasi universiti
2. Menyediakan perkhidmatan pengurusan pentadbiran yang dinamik dan efisien
3. Menyediakan pengurusan dokumen yang sistematik dan menepati kehendak pelanggan
4. Menyediakan pengurusan peruntukan kewangan dan pelaksanaan dasar baru yang efisien dan sistematik

2.7 DASAR DAN OBJEKTIF KUALITI UTMDIGITAL

Penyataan Dasar Kualiti dan Objektif Kualiti UTMDigital didokumenkan dalam **Lampiran MK05-01 UTMDigital**. Objektif kualiti yang dibangunkan meliputi peringkat Pengurusan UTMDigital dan Bahagian, fungsi, Unit, proses dan **Perkhidmatan ICT** yang ditawarkan kepada pelanggan.

Dasar dan Objektif Kualiti UTMDigital diletakkan di dalam laman web rasmi UTMDigital untuk hebahan dan rujukan staf dalam melaksana SPK ISO 9001:2015 UTMDigital.